

Pastikan kastam dan audit negara bergerak bersama demi kestabilan

Semalam, negara khususnya Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menyambut Hari Kastam Sedunia Ke-44 yang kebetulan juga sambutan 120 tahun Jabatan Audit Negara (JAN). Pertemuan dua tarikh ini sebenarnya mengingatkan kita terhadap hubungan saling melengkapi antara dua institusi penting negara, iaitu satu agensi penguatkuasa berada di barisan hadapan pungutan hasil, manakala satu lagi jabatan yang secara tidak langsung berperanan sebagai mata yang tajam untuk memastikan setiap sen wang negara serta amanah rakyat diurus dengan berhemat, telus dan berakauntabiliti.

Sebagai agensi kutipan utama negara, kastam sentiasa berdepan cabaran besar. Kedudukan di pintu masuk negara, pelabuhan dan sempadan menjadikan pegawai dan kakitangannya terdedah kepada godaan rasuah, salah guna kuasa dan manipulasi sindiket terancang.

Kita acap kali menyaksikan serbuan dan tangkapan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), termasuk kes berprofil tinggi yang mendedahkan ketirisan hasil duti dan cukai mencecah berbilion ringgit. Walaupun mutakhir ini perhatian awam tertumpu kepada kes membabitkan bekas Panglima Angkatan Tentera dan bekas Panglima Tentera Darat serta dan kewujudan kartel dalam Angkatan Tentera Malaysia, ia sama sekali tidak bermakna agensi lain, termasuk kastam, bebas daripada ancaman sama.

Pengalaman lalu membuktikan teknologi semata-mata tidak mencukupi kerana di sebalik keperluan sistem pengimbasan, proses digital dan penggunaan kecerdasan buatan (AI) masih mempunyai had jika tidak disokong integriti manusia dan kawalan dalaman kukuh. Justeru, JKDM tidak boleh berhenti daripada terus memperkemas mekanisme pemantauan dan pencegahan jenayah kewangan seperti penggiliran jawatan di posisi kritikal, pemantauan gaya hidup berasaskan risiko, audit dalaman serta penggunaan data analitik untuk mengesan corak luar biasa dalam pengisytiharan, pelepasan konten dan aliran hasil. Pada masa sama, perlindungan pemberi maklumat perlu diyakinkan agar warga berintegriti berani tampil tanpa rasa takut.

Di sinilah peranan Jabatan Audit Negara (JAN) menjadi amat signifikan. Lebih satu abad, JAN melaksanakan tanggungjawab mendedahkan ketirisan, kelemahan tatakelola dan potensi penyelewengan melalui laporan serta syor pembetulan. Laporan Ketua Audit Negara sering menjadi rujukan penting kepada Parlimen, kerajaan, masyarakat sivil dan madani serta masyarakat umum untuk menilai tahap pengurusan kewangan negara. Namun, dalam landskap pentadbiran semakin kompleks dan pantas, sistem pengauditan juga perlu berevolusi dan lebih berfokus kepada audit berasaskan risiko, lebih tangkas dan berkeupayaan bertindak awal sebelum kerugian membesar.

Pada masa sama, keberkesanan audit tidak seharusnya datang dengan kesan sampingan tidak diingini. Proses pengauditan mesti dilaksana secara profesional, berhemah dan berimbang agar tidak membebankan rakyat atau menimbulkan rasa 'digemparkan' peraturan terlalu menekan. Audit yang baik bukan sekadar mencari salah, tetapi membantu memperbaiki sistem, menutup lompong dan membina keyakinan awam.

Hakikatnya, sambutan Hari Kastam Sedunia dan ulang tahun JAN wajar dilihat sebagai seruan bersama. JKDM dan JAN memang bergerak dengan peranan berbeza tetapi perjalanannya menuju matlamat sama, iaitu memastikan wang negara diperoleh dan digunakan secara optimum demi kemajuan negara dan perkhidmatan kepada rakyat secara berintegriti serta berakauntabiliti.